

LEMBARAN KERJA BAHASA MELAYU

Cerita Dino

Nama : _____ Tarikh : 23 September 2021

Arahan : Baca petikan di bawah dan tandakan (✓) untuk ayat majmuk.



Anak yang Baik



Mendengar dan Bertutur

Cerita Dino

Hai, kawan-kawan! Nama saya Dino. Saya anak bongsu dalam keluarga tetapi saya tidak manja.

Ibu dan ayah mahu saya menjadi anak yang berjaya. Oleh itu, saya akan belajar bersungguh-sungguh supaya berjaya dalam pelajaran. Ibu serta ayah pasti berbangga akan saya.

Saya membuat kerja-kerja rumah tanpa disuruh oleh sesiapa. Setiap pagi, saya mengemas katil sendiri kerana tidak mahu menyusahkan ibu. Saya juga membasuh pinggan mangkuk selepas bersarapan, makan tengah hari atau makan malam.

Saya sayang akan semua anggota keluarga saya. Saya sayang akan ibu, ayah, abang, kakak dan adik.



1.	Nama saya Dino.	
2.	Saya anak bongsu dalam keluarga tetapi saya tidak manja.	
3.	Ibu dan ayah mahu saya menjadi anak yang berjaya.	
4.	Saya akan belajar bersungguh-sungguh supaya berjaya dalam pelajaran.	
5.	Saya membuat kerja-kerja rumah tanpa disuruh oleh sesiapa.	
6.	Ibu serta ayah pasti berbangga akan saya.	
7.	Saya mengemas katil sendiri kerana tidak mahu menyusahkan ibu.	
8.	Saya sayang akan semua anggota keluarga saya.	